

SOALAN NO : 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]
TARIKH : 8 OGOS 2017
SOALAN : 47**

YB Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membina Klinik Kesihatan di Pulau Tigabu, Banggi memandangkan penduduk di Pulau Tigabu amat memerlukan perkhidmatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua

KKM sedia maklum akan keperluan untuk membina sebuah klinik kesihatan di Pulau Tigabu, Banggi yang merupakan salah sebuah pulau terpencil di perairan Sabah. Sehubungan itu, KKM sedang dalam proses mengenalpasti tapak yang sesuai bagi pembinaan klinik kesihatan ini.

Cadangan pembangunan klinik kesihatan di Pulau Tigabu ini akan dipohon setelah tapak projek dikenalpasti dan dibuat perolehan.